

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

CETAKAN SEMULA

Akta 14

AKTA JURURAWAT 1950

Mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006

DITERBITKAN OLEH
PESURUHJAYA PENYEMAK UNDANG-UNDANG, MALAYSIA
DI BAWAH KUASA AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG 1968
SECARA USAHA SAMA DENGAN MALAYAN LAW JOURNAL SDN BHD
DAN PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BHD
2006

2

AKTA JURURAWAT 1950

Pertama kali diperbuat... .. 1950 (Ordinan No. 32
tahun 1950)

Disemak 1969 (Akta 14 bermula
pada 14 April 1970)

Teks bahasa kebangsaan
ialah teks sahih P.U.(B)197/1994

CETAKAN SEMULA YANG TERDAHULU

Cetakan Semula Yang Pertama 1992

Cetakan Semula Yang Kedua 1999



DISEDIAKAN UNTUK PENERBITAN OLEH
MALAYAN LAW JOURNAL SDN BHD
DAN DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
CAWANGAN KUALA LUMPUR
2006



UNDANG-UNDANG MALAYSIA




Akta 14

AKTA JURURAWAT 1950

SUSUNAN SEKSYEN

Seksyen

1. Tajuk ringkas
2. Tafsiran
3. Penubuhan dan keanggotaan Lembaga Jururawat
4. Daftar jururawat
5. Peraturan-peraturan
6. Kemasukan orang yang dilatih di luar Malaysia ke dalam daftar
7. Rayuan terhadap pengeluaran daripada daftar atau terhadap keengganan meluluskan institusi
8. Penyampaian notis
9. Tatacara mengenai rayuan
10. Penalti kerana menggunakan dengan cara tidak sah gelaran jururawat berdaftar dan kerana memalsukan Daftar
11. Pemansuhan dan peruntukan berbangkit



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 14

AKTA JURURAWAT 1950

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran jururawat untuk pesakit.

*[Semenanjung Malaysia—20 Disember 1950,
Ord. 32 tahun 1950;
Sarawak—1 November 1969, P.U.(A)433/1969;
Sabah—1 Januari 1978, P.U.(A)373/1977;
Wilayah Persekutuan Labuan—16 April 1984,
P.U.(A) 218/1985]*

Tajuk ringkas

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Jururawat 1950 dan terpakai di seluruh Malaysia.

(2) *(Ditinggalkan).*

Tafsiran

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“ditetapkan” ertinya ditetapkan oleh peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

Penubuhan dan keanggotaan Lembaga Jururawat

3. (1) Bagi maksud Akta ini suatu Lembaga Jururawat (dalam Akta ini disebut “Lembaga”) hendaklah ditubuhkan.

(2) Lembaga itu hendaklah dianggotai menurut peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

Daftar jururawat

4. (1) Hendaklah menjadi kewajipan Lembaga, tertakluk kepada dan menurut Akta ini, untuk mengadakan dan menyimpan suatu daftar (dalam Akta ini disebut “Daftar”) jururawat untuk pesakit.

(2) Daftar itu hendaklah mengandungi bahagian yang berikut:

- (a) suatu bahagian am yang mengandungi nama semua jururawat yang memenuhi syarat kemasukan ke dalam bahagian itu Daftar itu;
- (b) suatu bahagian tambahan yang mengandungi nama penolong jururawat;
- (c) suatu bahagian tambahan yang mengandungi nama jururawat yang terlatih untuk merawat dan menjaga orang yang mengidap penyakit mental dan mengandungi tiga seksyen, satu seksyen bagi jururawat yang dimasukkan ke dalam bahagian am Daftar, satu seksyen bagi penolong jururawat dan satu seksyen lagi bagi jururawat yang tidak dapat dimasukkan dalam salah satu daripada dua seksyen yang lain itu;
- (d) suatu bahagian tambahan yang mengandungi nama jururawat yang terlatih dalam kesihatan awam;
- (e) suatu bahagian tambahan yang mengandungi nama jururawat luar bandar di Semenanjung Malaysia;
- (f) suatu bahagian tambahan yang mengandungi nama jururawat masyarakat di Sarawak;
- (g) suatu bahagian tambahan yang mengandungi nama jururawat kesihatan luar bandar di Sabah; dan
- (h) apa-apa bahagian tambahan lain sebagaimana yang ditetapkan:

Dengan syarat bahawa tiada seorang pun yang belum lagi didaftarkan dalam bahagian am Daftar boleh didaftarkan di bawah perenggan (d).

(3) Dalam apa-apa prosiding, suatu perakuan di bawah tandatangan Pengerusi Lembaga yang menyatakan sama ada

seseorang itu didaftarkan di bawah Akta ini atau tidak adalah menjadi keterangan konklusif bagi fakta itu dan bagi fakta lain yang relevan dengan fakta itu yang mungkin terkandung dalam perakuan itu.

(4) Apa-apa sebutan dalam Akta ini mengenai Daftar hendaklah, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, disifatkan termasuk sebutan mengenai mana-mana bahagian Daftar, dan ungkapan “berdaftar” hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya.

Peraturan-peraturan

5. (1) Menteri boleh membuat peraturan bagi mana-mana maksud yang berikut:

- (a) untuk mengawal selia pembentukan, penyenggaraan dan penerbitan Daftar;
- (b) untuk mengawal selia syarat kemasukan ke dalam Daftar;
- (c) untuk mengawal selia perjalanan mana-mana peperiksaan yang mungkin ditetapkan sebagai suatu syarat bagi kemasukan ke dalam Daftar dan apa-apa perkara yang bersampingan atau berkaitan dengan sesuatu peperiksaan itu;
- (d) untuk menetapkan alasan yang baginya, syarat yang di bawahnya dan cara bagaimana jururawat boleh dikeluarkan dari Daftar, dan tatacara bagi kemasukan semula jururawat yang telah dikeluarkan darinya;
- (e) untuk menetapkan keanggotaan Lembaga dan mengawal selia pemanggilan mesyuarat Lembaga dan prosiding Lembaga (termasuk kuorum);
- (f) untuk membolehkan Lembaga menubuhkan jawatankuasa dan untuk membenarkan perwakilan mana-mana kuasanya kepada jawatankuasa dan untuk mengawal selia prosiding jawatankuasa (termasuk kuorum);
- (g) untuk menetapkan fi yang kena dibayar; dan
- (h) pada amnya, untuk apa-apa perkara yang berkenaan dengannya Menteri berpendapat bahawa peruntukan

patut dibuat bagi menguatkuasakan Akta ini (termasuk pengeluaran perakuan kepada jururawat yang didaftarkan di bawah Akta ini dan berkenaan dengan gelaran yang boleh digunakan dan pakaian seragam atau lencana yang boleh dipakai oleh jururawat berdaftar itu), dan untuk menetapkan apa-apa jua yang dikehendaki supaya ditetapkan.

(2) Peraturan di bawah seksyen ini hendaklah mengandungi peruntukan—

- (a) yang menghendaki sebagai suatu syarat bagi kemasukan mana-mana orang ke dalam Daftar bahawa orang itu hendaklah telah menjalani latihan yang ditetapkan, dan hendaklah mempunyai pengalaman yang ditetapkan, untuk merawat pesakit; dan
- (b) yang menghendaki bahawa latihan yang ditetapkan itu hendaklah dijalankan di suatu institusi yang diluluskan oleh Lembaga bagi maksud itu dan menetapkan keperluan bagi kemasukan ke sesuatu institusi itu dan kursus pengajaran yang akan diberikan di institusi itu.
- (c) *(Dipotong oleh Akta A486).*

(3) Semua peraturan yang dibuat di bawah Akta ini hendaklah dibentangkan di dalam Dewan Rakyat dan jika suatu ketetapan diluluskan dalam masa tiga bulan selepas mana-mana peraturan itu dibentangkan di dalam Dewan itu yang menetapkan bahawa peraturan itu atau mana-mana daripadanya hendaklah dibatalkan atau dipinda dengan apa-apa cara jua pun, maka peraturan yang mengenainya ketetapan itu telah dibuat hendaklah, tanpa menjejaskan apa-apa jua yang telah dilakukan di bawahnya, disifatkan sebagai dibatalkan atau dipinda mulai dari tarikh kelulusan ketetapan itu disiarkan dalam *Warta*.

Kemasukan orang yang dilatih di luar Malaysia ke dalam daftar

6. (1) *(Dipotong oleh Akta A486).*

(2) Jika mana-mana orang membuktikan hingga memuaskan hati Lembaga bahawa dia telah dilatih di sesuatu tempat di luar Malaysia di mana piawai latihan dan peperiksaan tidak rendah daripada piawai latihan dan peperiksaan yang dikehendaki di

bawah Akta ini, sama ada sebagai jururawat am untuk pesakit atau sebagai jururawat sesuatu kelas khas, dan memuaskan hati Lembaga tentang identitinya dan kelakuan baiknya, maka Lembaga boleh, sama ada selepas peperiksaan atau tanpa peperiksaan, apabila dibayar fi yang ditetapkan untuk pendaftaran di bawah Akta ini, mengarahkan supaya orang itu didaftarkan dalam mana-mana bahagian yang berkenaan dalam Daftar.

Rayuan terhadap pengeluaran daripada daftar atau terhadap keengganan meluluskan institusi

7. (1) Mana-mana orang yang terkilan dengan pengeluaran namanya dari Daftar boleh, dalam masa tiga bulan selepas tarikh notis telah disampaikan kepadanya oleh Lembaga yang menyatakan namanya telah dikeluarkan sedemikian, merayu terhadap pengeluaran itu kepada Menteri dan atas rayuan itu Menteri boleh memberikan apa-apa arahan sebagaimana yang difikirkannya patut mengenai perkara itu.

(2) Mana-mana orang yang terkilan dengan keengganan Lembaga untuk meluluskan sesuatu institusi bagi maksud peraturan di bawah Akta ini yang berhubungan dengan latihan, boleh merayu terhadap keengganan itu kepada Menteri dan Menteri boleh memberikan apa-apa arahan sebagaimana yang difikirkannya patut mengenainya dan Lembaga hendaklah mematuhi apa-apa arahan yang diberikan sedemikian.

Penyampaian notis

8. Apa-apa notis yang diarahkan supaya disampaikan kepada mana-mana orang di bawah Akta ini atau di bawah peraturan yang dibuat di bawahnya hendaklah disifatkan telah disampaikan kepada orang itu jika notis itu telah dihantar dengan pos berdaftar ke alamatnya yang diberikan dalam Daftar, atau sekiranya orang itu tidak didaftarkan, ke alamat yang diberikan olehnya kepada Lembaga.

Tatacara mengenai rayuan

9. Tiap-tiap rayuan di bawah seksyen 7 hendaklah dibuat melalui petisyen bertulis yang, melainkan jika diperuntukkan selainnya, hendaklah diserahkan dalam masa empat belas hari dari tarikh

notis mengenai keputusan Lembaga itu disampaikan kepada orang yang berkenaan itu. Bersama dengan petisyen itu, Menteri boleh menimbangkan apa-apa jawapan bertulis oleh Lembaga terhadap petisyen itu. Keputusan Menteri mengenai sesuatu petisyen adalah muktamad.

Penalti kerana menggunakan dengan cara tidak sah gelaran jururawat berdaftar dan kerana memalsukan Daftar

10. (1) Tiap-tiap orang yang—

- (a) walaupun bukan seorang yang didaftarkan dengan sewajarnya di bawah Akta ini, memakai atau menggunakan gelaran jururawat berdaftar atau gelaran yang setaraf dengannya dalam apa-apa bahasa lain, sama ada gelaran itu sahaja atau disertakan dengan apa-apa perkataan atau huruf lain, atau menggunakan apa-apa nama, gelaran, tambahan, perihal, pakaian seragam atau lencana yang membayangkan bahawa dia didaftarkan di bawah Akta ini atau diiktiraf oleh undang-undang sebagai seorang jururawat berdaftar, atau menggunakan apa-apa gelaran, pakaian seragam atau lencana yang ditetapkan untuk kegunaan jururawat berdaftar di bawah Akta ini;
- (b) seorang yang namanya termasuk dalam mana-mana bahagian Daftar, memakai atau menggunakan apa-apa nama, gelaran, tambahan, perihal, pakaian seragam atau lencana, atau selainnya melakukan apa-apa jenis perbuatan, yang membayangkan bahawa namanya termasuk dalam sesuatu bahagian lain Daftar yang tidak mengandungi namanya; atau
- (c) dengan niat hendak memperdaya, menggunakan apa-apa perakuan pendaftaran sebagai seorang jururawat yang dikeluarkan di bawah Akta ini kepadanya atau kepada mana-mana orang lain,

melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan oleh sesuatu Mahkamah Majistret, boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi dua belas bulan atau kedua-duanya.

Jururawat

11

(2) Tiap-tiap orang yang dengan sengaja membuat atau menyebabkan dibuat apa-apa catatan palsu dalam Daftar melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan oleh sesuatu Mahkamah Majistret, boleh didenda tidak melebihi dua ribu ringgit dan dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua belas bulan.

Pemansuhan dan peruntukan berbangkit

11. (1) Ordinan Pendaftaran Jururawat Sabah [*Bab 165*] dengan ini dimansuhkan.

(2) Dengan pemansuhan Ordinan tersebut, maka nama jururawat yang terkandung dalam daftar yang disenggarakan di bawahnya hendaklah dipindahkan, dan dimasukkan (dan sehingga tindakan itu telah dilakukan, hendaklah disifatkan telah dipindahkan dan dimasukkan) ke dalam bahagian yang berkenaan dalam Daftar yang disenggarakan di bawah Akta ini.

(3) Seksyen ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan untuk mula berkuatkuasanya Akta ini di Negeri Sabah.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 14****AKTA JURURAWAT 1950****SENARAI PINDAAN**

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
Ord. 53/1955	Ordinan Pendaftaran Jururawat (Pindaan) 1955	01-01-1956
Ord. 5/1957	Ordinan Pendaftaran Jururawat (Pindaan) 1957	23-04-1957
L.N. 332/1958	Perintah Perlembagaan Persekutuan (Pengubahsuaian Undang-Undang) (Ordinan-Ordinan dan Perisytiharan- Perisytiharan) 1958	13-11-1958
P.U.(A)432/1969	Perintah Pengubahsuaian Undang- Undang (Pendaftaran Jururawat) (Pengubahsuaian dan Perluasan ke Malaysia Timur) 1969	30-10-1969
P.U.(A)218/1985	Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pengubahsuaian Akta Jururawat) 1985	16-04-1984
Akta A486	Akta Jururawat (Pindaan) 1980	25-10-1985

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 14

AKTA JURURAWAT 1950

SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
4	Akta A486	25-10-1985
5	Akta A486	25-10-1985
6	Akta A486	25-10-1985
10	Akta A486	25-10-1985
